

**SKEMA JAWAPAN KERTAS 2**  
**SOALAN BAHAGIAN A**  
**(35 MARKAH)**

**SOALAN 1: MORFOLOGI**

**KATA GANDA TUNGGAL**

**1. rata-rata**

Definisi : 1. rata sekali, sama banyaknya dll di serata tempat: baja itu hendaklah ditaburkan ~; saya ingin benar hendak melihat ~ dlm kebun itu; 2. = (di)pukul ~ a) dianggap sama semuanya, dihitung panjang, pd umumnya: keistimewaannya ialah orang-orang bawahannya ~ segan dan hormat kepadanya; ~ mereka tidak berbaju, kecuali yg paling depan; apatah lagi dlm arus sekarang, ~ wanita suka bekerja makan gaji; b) diambil tengah-tengah, dibahagi rata; ~ seekar tanah sawah menghasilkan 400 gantang padi setahun; peon dan buruh kasar ~ mendapat dlm lingkungan RM80 dan RM100 sebulan; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**2. kanak-kanak**

Definisi : budak lelaki atau perempuan yg masih kecil (biasanya yg belum berumur lebih drpd 7 atau 8 tahun): ~ yg tidak berdosa; pantun ~; bahasa ~ bahasa anak kecil; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**3. kira-kira**

Definisi : 1. lebih kurang: ~ seribu orang telah dijemput utk menyaksikan upacara tersebut; kami tiba di bandar itu ~ pukul 6 petang; 2. = ilmu ~ perhitungan (mengenai kewangan, perangkaan, dll), taksiran, ran-cangan (pendapatan dan perbelanjaan), ilmu hisab: maka jikalau tiada tahu ~ kelak, bagaimana engkau hendak berniaga jual beli?; buku ~ buku tempat mencatat kira-kira ke-wangan (perniagaan, kesatuan, dll); buku ~ harian buku harian, buku utk mencatat kira-kira urusan perniagaan hari-hari; ilmu menyimpan ~ pengetahuan mencatat butir-butir mengenai perbelanjaan dan penerimaan wang; tidak termasuk dlm ~ tidak termasuk dlm perhitungan (taksiran); 3. rasanya, agak-nya, barangkali, kalau-kalau: ~ ia tidak mahu menerima wang itu; 4. dugaan, agak-agak, sangka-sangka: kalau tidak tahu akan jawabnya, akui sahaja, jangan ~; 5. bp jangan (tidak) terlalu banyak atau terlampau sangat; tidak ~ terlampau sangat; 6. fikiran, akal, angan-angan; panjang ~ panjang akal (tidak sempit fikirannya); terbuka ~ terbuka fikir-annya; ~ bahagi kira-kira (ilmu hisab) bkn memecahkan sesuatu angka dgn angka lain; ~ campur kira-kira (ilmu hisab) mengenai mem-besarkan angka dgn menjumlah (mencampur-kan angka), penjumlahan; ~ darab ilmu hisab bkn membesarkan sesuatu angka dgn memperkalikannya dgn angka lain; ~ pecahan kira-kira (ilmu hisab) mengenai angka pecah-an (angka yg kurang drpd satu); ~ tolak kira-kira (ilmu hisab) bkn mengurangkan angka; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**KATA GANDA BERIMBUHAN**

**1. seakan-akan**

Definisi : sama benar, seolah-olah, seperti: pemilihan pengerusi itu ~ pemilihan presiden suatu negara; (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**2. memuji-muji**

Definisi: berulang kali menyatakan penghargaan kepada sesuatu yang baik (indah dan sebagainya).

**3. kenang-kenangan**

Definisi : 1. segala sesuatu yg di-kenangkan (dapat dibayangkan kembali dlm fikiran), sesuatu yg (tetap) ada dlm fikiran atau ingatan: segala-galanya tinggal sbg ~ sahaja; 2. (menjadi) sesuatu yg dapat meng-ingatkan (seseorang) tentang sesuatu yg lain (mis peristiwa, persahabatan, dll): hadiah utk ~; bergambar utk ~. (Kamus Dewan Edisi Keempat)

**[8 markah]**

## SOALAN 2: SINTAKSIS

1. Subjek : Terarium  
Predikat: ialah ekosistem minatur tumbuhan hiasan di dalam bekas.
2. Subjek : Terarium  
Predikat : boleh menggunakan pelbagai jenis lumut.
3. Subjek : Pemilihan balang  
Predikat : amat penting.
4. Subjek: Pembuatan terarium ini  
Predikat : agak rumit.
5. Subjek: Set terarium ringkas  
Predikat: boleh disiapkan dalam tempoh tidak sampai satu jam.
6. Subjek: Terdapat pembeli  
Predikat: menjadikan hiasan ini sebagai hadiah.

[6 markah]

## SOALAN 3 : PENYUNTINGAN

Bil.	Kesalahan Bahasa	Pembetulan	
Petikan 1			
1.	dijangkiti	menjangkiti	(imbuhan)
2.	faktur	faktor	(ejaan)
3.	anggota-anggota	anggota	(bahasa)
4.	jagaan	rawatan	(istilah)
5.	dari	daripada	(bahasa)
6.	kedudukan	kedudukan	(ejaan)
Petikan 2			
1.	di wawancara	diwawancara	(ejaan)
2.	pendemik	pandemik	(ejaan)
3.	mempastikan	memastikan	(imbuhan)
4.	di antaranya	antaranya	(bahasa)
5.	kemunculan	kemasukan	(istilah)
6.	menerangkan tentang	menerangkan	(bahasa)

[11 markah]

## SOALAN 4: BAHASA MELAYU STANDARD

Bahasa klasik	Bahasa Melayu standard.
Berapa lamanya hatta hari pun malamlah.	Tidak lama selepas itu, waktu malam pun tiba.
Maka Kertala Sari pun bersikap dirinya; maka lalu	Kertala Sari menyiapkan dirinya kemudian dia

berjalan masuk ke dalam kota.	berjalan masuk ke dalam kota.
Maka ia masuk ke rumah seorang saudagar yang kaya.	Dia masuk ke dalam rumah seorang saudagar yang kaya.
Maka dilihat oleh Kertala Sari saudagar itu lagi makan nasi laki isteri.	Kertala Sari melihat saudagar itu sedang makan bersama-sama dengan isterinya.
Maka Kertala Sari pun masuk makan bersama-sama dengan saudagar itu.	Kertala sari pun masuk ke dalam rumah dan makan bersama-sama saudagar itu.
Hatta setelah jauh malam, maka saudagar itu pun masuk tidur.	Apabila sudah larut malam, saudagar itu pun masuk tidur.

[6 markah]

### SOALAN 5: PERIBAHASA

Bil	Peribahasa Dalam Dialog	Peribahasa Lain Sama Maksud/Hampir Sama Maksud
1.	masuk kandang kambing mengembek, masuk kandang kerbau menguak.	Di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.
2.	alang-alang berdakwat, biarlah hitam.	1. Genggam bara api biar sampai jadi arang. 2. Alang-alang menyeluk pekasam, biar sampai ke pangkal lengan 3. Alang-alang berminyak, biar licin 4. Alang-alang mandi biar basah.
3.	ikan pulang ke lubuk.	1. Bagai belut pulang ke lumpur. 2. Haruan pulang ke lubuk 3. Sirih pulang ke gagang 4. Setinggi-tinggi terbang bangau, hinggap di belakang kerbau juga. 5. Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik di negeri sendiri

[4 markah]

### BAHAGIAN B (35 MARKAH)

### SOALAN 6: PETIKAN UMUM

i.	Maksud kekal relevan ialah	M
P1	tetap berkait	2
P2	Tetap relevan	1
P3	Kekal berkait	0

ii.	Perbezaan pakaian moden berunsurkan tradisional dan pakaian tradisional Melayu ialah
	<b>BAHAN 1</b>
P1	Dihasilkan daripada kain tenun pakaian tradisi etnik Rungus yang digabungkan bahan Corduroy( Denim) dan Chiffon.
P2	Berkonsep “ sedia untuk dipakai”

	<b>BAHAN 2</b>
P3	Dipadankan dengan kain tradisional seperti songket atau batik.
P4	Banyak cara pemakaian.

**ISI CUKUP: 2**

**MARKAH: 3**

iii.	Usaha yang boleh diambil untuk mempopularkan pakaian tradisional negara di peringkat global.
P1	Galakan menyertai ekspo dan pameran fesyen antarabangsa
P2	Giat mengambil bahagian dalam pertandingan fesyen peringkat global.
P3	Media massa melakukan publisiti atas bantuan selebriti ataupun Youtuber berkaitan.
P4	Pelancaran minggu fesyen pakaian tradisional di setiap bandar besar dunia melalui konsular Malaysia.
P5	Usaha sama dengan agensi pelancongan yang menawarkan pakej pelancongan yang bergandingan cenderamata berbentuk pakaian tradisional.

**ISI CUKUP: 2**

**MARKAH: 3**

iv.	Unsur-unsur yang akan ditekankan dalam usaha mereka busana tradisional yang memenuhi cita rasa pengguna abad ke-21 ialah
P1	Mudah dan senang dipakai
P2	Penggunaan tekstil tradisional berkualiti
P3	Menonjolkan kecantikan ataupun susuk badan
P4	Unsur tradisional ditonjolkan melalui butang ataupun lipatan
	<b>ISI CUKUP: 3</b> <b>MARKAH: 4</b>

## SOALAN 7: PETIKAN SASTERA

<b>i.</b>	<b>Maksud <i>menyimpan hikmah</i> ialah...</b>	<b>M</b>
P1	menaruh/menghimpun/mengandungi kebihan/kebaikan/ rahsia.	2
P2	<b>menaruh/menghimpun/mengandungi hikmah</b>	1
P3	Menyimpan <b>kebihan/kebaikan/ rahsia</b>	0

<b>ii.</b>	<b>Berdasarkan semua bahan, punca-punca remaja kini tidak berminat dengan aktiviti luar ialah ...</b>
P1	...untuk orang susah. (B1)
P2	...membuang masa dan tenaga. (B1)
P3	...leka bermain peranti. (B2)
P4	...menyebabkan peluh/ berbau busuk. (B2)

P5	...kurang kesedaran/didikan/motivasi.(B2)
----	---

ISI CUKUP: 3

MARKAH : 4

iii	<b>Pada pendapat saya, manfaat-manfaat aktiviti luar yang disertai oleh remaja ialah ...</b>
P1	...menyihatkan tubuh badan.
P2	...mengisi masa lapang dengan perkara berfaedah.
P3	...mendapatkan kawan baharu.
P4	...menambah ilmu pengetahuan.
P5	...mengurangkan stres.

ISI CUKUP: 2

MARKAH: 3

iv.	<b>Sebagai rakan yang prihatin, cadangan kepada rakan saya tentang cara-cara yang dia boleh lakukan untuk mencapai cita-citanya menjadi atlet sukan yang berjaya ialah..</b>
P1	...rakan saya perlu membuat latihan secara konsisten supaya dapat mengasah kemahiran.
P2	...rakan saya hendaklah menjadikan seseorang sebagai idola agar dapat memotivasikan diri.
P3	...rakan saya perlulah membiayai jurulatih yang berpegalaman supaya dapat meningkatkan ilmu.
P4	...rakan saya wajarlah menyertai pertandingan agar dapat meningkatkan persaingan diri.

ISI CUKUP: 3

MARKAH : 4

### SOALAN 8: NOVEL

i.	Tindakan yang dilakukan oleh Waheeda dan Fatimah apabila diserang oleh monyet:
P1	Waheeda dan Fatimah menjerit sekuat-kuat hati kerana terperanjat.
P2	Tangan Waheeda menepis kasar monyet itu apabila hidung dan pipinya dicengkam oleh monyet tersebut
P3	Fatimah melibas hujung batang penyapu kayu ke arah monyet itu

ISI CUKUP : 3

MARKAH: 4

ii.	sebab-sebab novel tersebut sesuai dijadikan sebagai bahan bacaan murid.	M	
P1	<b>Mengandungi pelbagai kisah dan peristiwa yang dapat dijadikan pengajaran kepada pembaca</b>	Contohnya, peristiwa Tauke Lim yang bekerja kuat untuk mencari nafkah. Pada waktu pagi dia menoreh getah dan pada waktu petang pula dia meraih pisang untuk dijual di pekan. Dengan hasil pendapatan itulah, dia dapat menyara kehidupan anak-anaknya yang bersekolah hingga peringkat tinggi. Peristiwa ini sewajarnya menjadi	1+1

		teladan kepada pembaca.	
P2	<b>Mengandungi nilai murni yang ditunjukkan menerusi sikap watak-watak dan seterusnya dapat dicontoh oleh murid</b>	Misalnya, nilai kasih sayang. Haiqal amat sayang akan ayah kandungnya. Lantaran itu, Haiqal pergi ke kampung arwah ayahnya di Johor untuk menjejaki bekas-bekas kehidupan ayahnya itu.	1+1

ISI CUKUP: 4

BAHASA: 2

MARKAH: 6

**BAHAGIAN C  
RUMUSAN  
(30 MARKAH)**

**PENDAHULUAN -2m**

	PENDAHULUAN	MARKAH
P1	Rumusan membincangkan <b>manfaat/kelebihan/faedah/kepentingan</b> menderma darah dan <b>punca-punca/faktor/sebab</b> masyarakat tidak menderma darah.	2
P2	Rumusan membincangkan <b>manfaat/kelebihan/faedah/kepentingan</b> menderma darah	1
P3	Rumusan membincangkan <b>punca-punca/faktor/sebab</b> masyarakat tidak menderma darah.	1
P4	Petikan membincangkan.....	0

**Isi-isi – 16 m**

**Fokus 1 - manfaat/kelebihan/faedah/kepentingan menderma darah**

**Bahan 1**

F1-1	Dapat membantu menyelamatkan nyawa orang lain	2
F1-2	Dapat mencegah hemochromatosis iaitu penyerapan zat besi yang berlebihan oleh tubuh.	2
F1-3	Dapat menurunkan risiko bagi serangan jantung sebanyak 88 peratus.	2
F1-4	Dapat mendiagnosis sebarang penyakit pada peringkat awal sebelum penyakit tersebut makin teruk.	2
F1-5	Menjalani analisis secara percuma.	2
F1-6	Mendapat manfaat dari segi rawatan kesihatan seperti rawatan pesakit luar dan rawatan perubatan di hospital kerajaan.	2
F1-7	Mengurangkan berat badan.	2
F1-8	Dapat merangsang pengeluaran sel darah baharu.	2

**Fokus 2 - punca-punca/faktor/sebab/alasan masyarakat tidak menderma darah.**

**Bahan 1**

F2-1	Fobia dengan darah	2
F2-2	Mempunyai tanggapan bahawa menderma darah boleh menggemukkan badan.	2
F2-3	Kurangnya maklumat dan pengetahuan tentang manfaat menderma darah.	2
F2-4	Persepsi terpesong masyarakat.	2

**Bahan 2**

F2-1	Masyarakat takut gemuk selepas menderma darah.	2
F2-2	Masyarakat fobia/takut melihat jarum	2
F2-3	Masyarakat beranggapan bahawa menderma darah akan membuatkan badan mereka lemah.	2
F2-4	Persepsi salah bahawa mereka sangat lemah.	2

### **KESIMPULAN – 2m**

K1	Kesimpulannya, masyarakat perlu mempunyai kesedaran menderma darah agar lebih ramai pesakit dapat diselamatkan.	2
K2	Kesimpulannya, masyarakat perlu mempunyai kesedaran menderma darah.	1

### **Bahasa – 10m**

Cemerlang	8 - 10
Baik	5 - 7
Sederhana	3 - 4
Lemah	1 - 2